



**PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI SELANGOR
(ZON SEPANG DAN HULU LANGAT)**

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri,
No.H561 & H562, Jalan 5, Kosmopleks,
Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang,
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-87066261
Faks: 03-87066260

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga ini dipelawa kepada kontraktor-kontraktor bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan sahaja dan masih dibenarkan menyertai sebutharga berikut:

RUJUKAN : **PPPNS/SERDANG/2018/KPKT/YBM20/01**
TAJUK SEBUTHARGA : **MENURAP KAWASAN PANGSAPURI JUBLI PERAK JALAN
4/2, BANDAR BARU BANGI.**
GREED : **G1**
KATEGORI : **CE**
PENGGHUSUSAN : **CE01**

Lawatan tapak akan diadakan pada **15 Januari 2018 (Isnin)** bertempat di tapak projek pada jam **10.30 pagi**. Lawatan tapak adalah diwajibkan kepada Kontraktor (Penama dalam sijil) dengan membawa bersama salinan asal Perakuan Pendaftaran, Sijil Pengiktirafan Bumiputera dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang masih sah tempohnya.

Hanya Kontraktor yang menghadiri lawatan tapak dibenarkan mendapatkan dokumen sebutharga. Dokumen sebutharga boleh diperolehi mulai 16 Januari 2018 (Selasa) di Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor Daerah Sepang & Hulu Langat, No. H561 & H562, Jalan 5, Kosmopleks, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi bersama salinan Perakuan Pendaftaran PKK, Sijil Pengiktirafan Bumiputera, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Pendaftaran GST hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang tercatat **PPPNS/SERDANG/2018/KPKT/YBM20/01** di sudut atas kiri sampul surat. Dokumen sebutharga tersebut perlu sampai dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor, Daerah Sepang dan Hulu Langat sebelum atau selewat-lewatnya jam **12.00 tengah hari** pada **23 Januari 2018 (Selasa)**.

Kerajaan tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau pun terikat kepada mana-mana sebutharga.

Sekian, terima kasih.

Pegawai Kemajuan Zon
Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor
Zon Sepang dan Hulu Langat.
10 Januari 2018